

## Panduan Kemasan Binaan Landskap Kejur

Selepas aktiviti pembinaan struktur binaan landskap kejur dilaksanakan. Aktiviti seterusnya adalah kemasan pada binaan landskap kejur yang telah siap. Aktiviti kemasan ini bertujuan untuk memperindah serta menyerlahkan lagi seri kecantikan pada binaan landskap kejur tersebut. Terdapat dua jenis aktiviti kemasan iaitu:

a) Aktiviti Kemasan Simen



b) Aktiviti Kemasan Mengecat



### a) Panduan kemasan cat untuk aktiviti mengecat binaan landskap kejur

i. Kemasan cat binaan simen konkrit



ii. Kemasan cat binaan besi



iii. Kemasan cat binaan kayu



iv. Kemasan cat mural dinding



### i. Kemasan Cat Binaan Simen Konkrit

Jenis cat binaan simen untuk mengecat binaan adalah seperti berikut:

#### Kemasan dalaman

- Digunakan untuk binaan landskap kegunaan di dalam bangunan sahaja.
- Sesuai untuk binaan simen dan batu bata.
- Tidak tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah air.



#### Kemasan luaran

- Digunakan untuk binaan landskap kegunaan di luar bangunan sahaja.
- Sesuai untuk binaan simen dan batu bata.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah air.



#### Pengilat sapuan/semburan

- Digunakan sebagai kemasan terakhir untuk menampakkan seri pada permukaan binaan landskap agar lebih berkilat dan menarik.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *thinner*.



#### Pengilat semburan

- Digunakan sebagai cat kemasan terakhir sahaja untuk menimbulkan seri pada binaan landskap.
- Boleh digunakan untuk mengecat binaan besi.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *thinner*.



### ii. Kemasan Cat Binaan Besi

#### Kemasan jenis minyak

- Digunakan untuk binaan landskap jenis besi dan boleh digunakan untuk mengecat binaan kayu bergantung pada kesesuaian.
- Tidak sesuai untuk binaan simen.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *turpentine*.



#### Kemasan jenis semburan

- Boleh digunakan sebagai cat asas atau kemasan akhir pada menimbulkan seri pada binaan landskap.
- Boleh digunakan pada binaan simen dan besi.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *thinner*.



### iii. Kemasan Cat Binaan Kayu

Jenis cat binaan kayu untuk mengecat binaan adalah seperti berikut:

#### Kemasan syelek jenis minyak

- Digunakan untuk binaan landskap berasaskan binaan kayu kebiasaannya jenis syelek.
- Sesuai untuk binaan kayu dan berasaskan kayu.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *turpentine*.



#### Kemasan jenis semburan

- Boleh digunakan sebagai samada sebagai cat asas atau cat kemasan akhir untuk menimbulkan seri pada binaan landskap.
- Boleh digunakan untuk binaan simen dan besi.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *thinner*.



### iv. Kemasan Cat Mural Dinding

Jenis kemasan mural dinding adalah seperti berikut:

#### Kemasan mural

- Digunakan untuk binaan jenis dinding simen dan batu bata yang dicorakkan dengan hiasan mural sebagai hiasan pada binaan tersebut.
- Sesuai diguna di bahagian luar dan dalam bangunan bergantung pada kehendak pengguna.
- Bahan pelarut adalah air.



#### Kemasan jenis semburan

- Boleh digunakan sebagai cat asas atau cat kemasan akhir untuk menampakkan seri pada binaan landskap.
- Tahan cuaca sama ada panas atau hujan.
- Bahan pelarut adalah *thinner*.



## b) Panduan kemas simen untuk binaan landskap kejur

Terdapat beberapa kaedah kemas simen pada binaan landskap kejur seperti berikut:

### i. Kemas simen lantai



### ii. Kemas simen dengan batu sungai (pebble wash)



### i. Kemas Simen Lantai

Teknik kemas simen lantai adalah seperti berikut:


#### Kemas simen lantai

Kemas simen lantai ini menggunakan simen sepenuhnya yang dicampur dengan air. Lantai diratakan terlebih dahulu dan dilepa dengan bancuhan simen dengan menggunakan alat perata simen untuk mendapatkan permukaan yang licin, rata dan keras.



#### Kemas simen lantai berwarna/bercetak

Kemas simen lantai yang sudah siap juga boleh diwarnakan atau dicetak mengikut kreativiti tersendiri.



## ii. Kemasan simen dengan batu *pebble wash*

Teknik kemasan simen dengan batu *pebble wash* adalah seperti berikut:

### Kaedah simen dengan batu *pebble wash*

- Digunakan pada dinding dan lantai simen yang sudah sedia ada dengan menggunakan campuran simen dan batu *pebble wash* yang dicampur dengan air. Nisbah campuran simen dan batu *pebble wash* adalah 1:1.
- Campuran akan diratakan dan dilepa dengan perata simen dengan cermat sehingga permukaan menjadi rata. Seterusnya selepas sejam dibiarkan kering, hasil lepaan akan disapu (dilap) dengan kain perlahan-lahan sehingga kering.



### Kemasan simen dengan batu *pebble wash* yang sudah siap

Kemasan simen dengan batu *pebble wash* yang sudah siap boleh diwarnakan atau disembur dengan kemasan pengilat agar lebih berkilat dan menarik.



### 5.2.4 Memeriksa Tempat Struktur yang Hendak Dibina Berdasarkan Lakaran Projek atau Pelan Induk

Sebelum melaksanakan aktiviti pembinaan landskap kejur, pemeriksaan struktur tapak perlu dilakukan untuk membuat tinjauan bagi proses kerja dan persediaan untuk aktiviti pembinaan berdasarkan lakaran projek atau pelan induk di tapak bina.



Rajah 5.4: Kepentingan pemeriksaan tapak.



Rajah 5.5: Aktiviti lawatan pemeriksaan tapak pembinaan landskap kejur.

Tempat struktur binaan haruslah diperiksa berdasarkan lakaran projek/pelan induk.




Foto 5.62: Struktur binaan projek.

Rajah 5.6: Contoh binaan landskap kejur jenis pergola.

Penerangan spesifikasi binaan:

- 1 Terdapat 3 jenis pandangan dalam gambar rajah iaitu bahagian pandangan atas, pandangan depan dan pandangan sisi.
- 2 Pandangan atas pergola merujuk kepada pandangan atas bahagian alang 4 tiang utama dan 2 batang kayu sebagai lapik tiang. Bahagian pandangan atas ini merupakan teduhan atau boleh dijadikan kayu sokongan untuk pokok memanjat menjalar.
- 3 Bahagian pandangan depan merupakan laluan masuk atau keluar pergola. Manakala, kedudukan tiang hadapan dan belakang pergola mestilah selari.
- 4 Pandangan sisi pergola. Bahagian ini merupakan panjang laluan pergola tersebut.
- 5 Ukuran dan jarak pada gambar rajah adalah anggaran cadangan ukuran dan jarak termasuk bilangan tiang dan kayu yang digunakan untuk membina pergola tersebut.

Rajah 5.7: Spesifikasi bahan.

## Langkah Pemeriksaan di Tapak Projek

Pemeriksaan di tapak pembinaan landskap kejur dilaksanakan kerana untuk memastikan persediaan dan pelaksanaan pembinaan landskap kejur dapat dijalankan dengan baik. Terdapat dua proses pemeriksaan di tapak pembinaan landskap kejur iaitu sebelum dan semasa pemeriksaan.

### Carta Alir Sebelum Pemeriksaan



Rajah 5.8: Aktiviti perbincangan sebelum memulakan pemeriksaan di tapak.

### Carta Alir Semasa Pemeriksaan



Rajah 5.9: Carta alir semasa pemeriksaan.